

BAB 4

Kemahiran Interpersonal ke Arah Membina Daya Tahan Wanita Rentan

Farah Adibah Ibrahim dan Nudra Syafini Ab Aziz

4.1 PENGENALAN

Golongan rentan ialah sekumpulan ahli komuniti yang dilihat lebih terdedah kepada risiko cabaran ekonomi dan masalah sosial seperti masalah kemiskinan, pengangguran, penderaan dan memerlukan bantuan kemanusiaan (Kuran et al., 2020). Mereka ini memerlukan bantuan dan sokongan yang lebih, terutamanya ketika berlaku situasi kecemasan seperti situasi pandemik Covid-19 yang telah melanda negara sebelum ini.

Dalam bab ini, penulis membincangkan kepentingan kemahiran interpersonal dalam membina daya tahan golongan wanita rentan, iaitu ibu tunggal dan remaja hamil anak luar nikah. Kedua-dua golongan wanita rentan ini pada hakikatnya mempunyai cabaran dan masalah yang berbeza. Namun begitu, pentingnya untuk mengetengahkan keperluan terhadap kemahiran interpersonal agar mereka boleh beradaptasi dan menyesuaikan diri dengan lebih baik dan berkesan dalam masyarakat.

4.2 GOLONGAN RENTAN: IBU TUNGGAL

Di Malaysia, golongan rentan ini melibatkan golongan wanita, warga emas, orang kelainan upaya (OKU), orang miskin, belia, kanak-kanak, dan pelarian berdasarkan maklumat dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan kerajaan tempatan. Pelbagai agensi kerajaan telah diselaraskan untuk membantu golongan sasaran seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK).

Wanita yang berstatus ibu tunggal di Malaysia merupakan salah satu kumpulan minoriti masyarakat yang tergolong dalam golongan rentan. Hal ini disebabkan peranan ibu tunggal itu sendiri sebagai pendidik, pencari nafkah keluarga, penjaga, dan ketua keluarga bagi anak-anak. Maka, pelbagai inisiatif bantuan dan sokongan telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi seperti Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) dari aspek ekonomi, sahsiah, dan motivasi.

Ibu tunggal di Malaysia pula dikategorikan melalui tiga definisi utama oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Pelan Tindakan Pemerksaan Ibu Tunggal (2015-2020). Definisi ibu tunggal yang pertama ialah wanita yang telah bercerai hidup atau kematian suami dan masih menanggung anak yang belum berkahwin. Definisi kedua ibu tunggal ialah wanita yang menjadi ketua keluarga dan satu-satunya pencari nafkah keluarga, tetapi masih mempunyai dan menanggung suami (suami yang tidak berupaya atau sakit) dan mempunyai anak yang belum berkahwin. Definisi yang ketiga pula ialah wanita

yang tidak berkahwin, tetapi mempunyai anak (anak angkat atau anak tak sah taraf) yang dipelihara (KPWKM, 2015).

4.2.1 Daya Tahan dan Kemahiran Interpersonal

Daya tahan pada kebiasaannya dirujuk sebagai adaptasi berkesan atau adaptasi positif individu dalam keadaan yang mencabar (Masten & Obradovic, 2008). Namun begitu, individu yang terdedah kepada cabaran dan trauma mempunyai perbezaan dari segi masa untuk beradaptasi (Masten & Wright, 2010). Ini bermaksud, setiap individu mempunyai jangka masa yang subjektif apabila beradaptasi dengan kesukaran. Maka, di sini pemahaman berkenaan daya tahan manusia secara spesifiknya adalah untuk memahami wujudnya perbezaan antara individu dari segi jangka masa dan reaksinya terhadap sesuatu kesukaran. Daya tahan individu terhasil bersandarkan kepada dua kriteria, iaitu pertama ialah pengalaman atau pendedahan diri kepada kesukaran, cabaran dan risiko kehidupan; dan kedua ialah kesan adaptasi terhadap kesukaran itu (Ong et al., 2010) yang boleh dinilai melalui pemikiran, tingkah laku dan tindakan seseorang.

Manakala, Howard Gardner (2012) pula mendefinisikan kemahiran interpersonal sebagai kemampuan untuk memahami motivasi, keinginan, emosi, dan perasaan orang lain serta kemampuan untuk bekerjasama dan berkomunikasi secara efektif dengan mereka. Maka, ciri-ciri individu yang mempunyai daya tahan yang tinggi disifatkan sebagai individu yang mampu beradaptasi dengan baik serta mempunyai keinginan kemahiran interpersonal yang berupaya menilai cabaran atau tekanan dari perspektif yang positif.